

NOTA PENERANGAN BORANG TP3 2026

TP3 merupakan borang maklumat berkaitan penggajian dengan majikan-majikan terdahulu dalam tahun semasa bagi tujuan Potongan Cukai Bulanan (PCB).

Majikan perlu memastikan pekerja baru untuk melengkapkan TP3 bagi mendapatkan maklumat penggajian dan potongan terkumpul daripada majikan terdahulu. Borang TP3 yang telah ditandatangani harus disimpan oleh majikan dan diberikan kepada HASiL apabila diminta semasa pengauditan PCB.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT MAJIKAN		
A1 - A4 (Ruangan yang wajib diisi) gunakan lampiran sekiranya majikan terdahulu dalam tahun semasa lebih daripada 1		
BAHAGIAN B: MAKLUMAT INDIVIDU		
B1 – B3 (Ruangan yang wajib diisi)		
BAHAGIAN C: MAKLUMAT SARAAN, KWSP, ZAKAT DAN PCB		
C1	Amaun setiap C1 – C5 adalah amaun terkumpul daripada majikan-majikan terdahulu dalam tahun semasa	
C2		
C3		
C4		
C5		
BAHAGIAN D: MAKLUMAT POTONGAN (Perlu dinyatakan jumlah keseluruhan daripada majikan-majikan terdahulu dalam tahun semasa)		
D1	Perbelanjaan untuk ibu / bapa a) Rawatan perubatan, keperluan khas dan perkhidmatan penjagaan b) Rawatan pergigian c) Pemeriksaan perubatan penuh / pempvaksinan (Terhad RM1,000)	Perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa / datuk / nenek dibenarkan sebagai potongan sehingga RM8,000. Perbelanjaan yang layak termasuk: (a) rawatan perubatan dan perkhidmatan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; (b) semua jenis perbelanjaan pemeriksaan dan rawatan pergigian termasuk gigi palsu, <i>root canal</i> serta rawatan untuk menggantikan gigi dan membaik pulih gigi (c) pemeriksaan perubatan penuh termasuk pempvaksinan yang diberikan di Malaysia terhad kepada RM1,000 (diperakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MPM dan disokong dengan resit rasmi) Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa / datuk nenek memerlukan rawatan perubatan, rawatan pergigian, pemeriksaan perubatan penuh, keperluan khas atau perkhidmatan penjagaan. Syarat tambahan potongan cukai pendapatan ini adalah: Penjaga tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan; Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia; Rawatan perubatan, rawatan pergigian, perkhidmatan penjagaan dan pemeriksaan perubatan penuh hendaklah dilakukan di Malaysia; dan bagi kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan resit atau perakuan bertulis oleh penjaga atau salinan permit kerja penjaga. Perenggan 46(1)(c) ACP 1967
D2	Peralatan sokongan asas untuk kegunaan diri sendiri, suami/isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya	Perbelanjaan membeli peralatan sokongan asas dibenarkan potongan sehingga RM6,000 untuk kegunaan: (i) diri sendiri, jika dia kurang upaya; (ii) pasangannya, jika pasangan kurang upaya; (iii) anak, jika anak kurang upaya; (iv) ibu bapa, jika ibu bapa kurang upaya.

		Potongan ini TIDAK dibenarkan jika peralatan sokongan asas dibeli untuk individu kurang upaya yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai orang kurang upaya. Alat sokongan asas termasuk mesin hemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi TIDAK termasuk cermin mata dan kanta lekap. Perenggan 46(1)(d) ACP 1967
D3	Yuran pengajian untuk diri sendiri (a) Peringkat selain Sarjana dan Doktor Falsafah – Bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi; (b) Peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian; (c) Kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri dalam bidang yang diiktiraf – (Terhad RM2,000)	Potongan sehingga RM7,000 boleh dituntut ke atas yuran yang dibelanjakan ke atas individu bagi mengikuti kursus pengajian berikut:- (a) Selain ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah Sebarang kursus pengajian sehingga peringkat tertiar bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi di mana-mana institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan. (b) Ijazah di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah Sebarang kursus pengajian bagi tujuan memperoleh kemahiran atau kelayakan di mana-mana institusi tempatan atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan silalah rujuk senarai institusi tempatan atau badan professional di Malaysia yang diiktiraf di laman rasmi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di www.mohe.gov.my bagi potongan untuk C3(a) dan C3(b) (c) Kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri Potongan sehingga RM2,000 dibenarkan ke atas apa-apa kursus yang diambil bagi tujuan peningkatan kemahiran atau kemajuan diri yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]. Pelepasan dibenarkan sehingga tahun taksiran 2026. Perenggan 46(1)(f) ACP 1967
D4	Perbelanjaan rawatan perubatan bagi: a) Penyakit serius ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak b) Rawatan kesuburan ke atas diri sendiri atau suami/isteri c) Pemvaksinan ke atas diri sendiri, suami/isteri atau anak (Terhad RM1,000) d) Pemeriksaan atau rawatan pergigian ke atas diri sendiri suami/isteri atau anak (Terhad RM1,000) e) Pemeriksaan perubatan penuh, pemeriksaan Kesihatan mental atau konsultasi, fi bayaran pengesanan penyakit dan	Potongan sehingga RM10,000 dibenarkan bagi perbelanjaan berikut: (a) Perbelanjaan perubatan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak bagi penyakit serius termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom Kurang Daya Ketahanan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, <i>pulmonari hypertension</i>, penyakit hati kronik, <i>fulminant viral hepatitis</i>, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ utama dan pemetongan kaki dan / atau tangan. Tuntutan mestilah dibuktikan melalui resit dan perakuan daripada pengamal perubatan berdaftar dengan MPM bahawa individu, pasangan atau anak telah diberikan rawatan penyakit serius tersebut. Subperenggan 46(1)(g)(i) ACP 1967 (b) Perbelanjaan untuk rawatan kesuburan merangkumi rawatan <i>intrauterine insemination</i> (IUI), <i>in vitro fertilization</i> (IVF) dan lain-lain jenis rawatan kesuburan yang diperakui termasuk kos konsultasi dan ubat-ubatan ke atas diri sendiri atau pasangan. Syarat tuntutan adalah: (i) tuntutan mestilah dibuktikan melalui resit dan perakuan daripada pengamal perubatan berdaftar dengan MPM bahawa individu atau pasangannya telah diberikan rawatan kesuburan tersebut; dan

	pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri ke atas diri sendiri/pasangan/anak (Terhad RM1,000) f) Penilaian bagi tujuan diagnosis, program intervensi awal atau rawatan pemulihan bagi anak kurang upaya pembelajaran yang berumur 18 tahun dan ke bawah (Terhad RM10,000)	(ii) individu telah berkahwin Subperenggan 46(1)(g)(ii) ACP 1967 (c) Potongan sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan pemvaksinan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak meliputi suntikan vaksin yang dilluluskan penggunaannya oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti berikut: <i>Pneumococcal, Human papillomavirus, HPV, Influenza, Rotavirus, Varicella, Meningococcal, Kombinasi tetanus-diphtheria-acellular-pertussis (TDAP), Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), Denggi, Typhoid, Measles, Rubella, Hepatitis A & B serta Yellow Fever.</i> Subperenggan 46(1)(g)(iii) ACP 1967 d) Potongan sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan pemeriksaan atau rawatan pergigian ke atas diri sendiri, pasangan atau anak. Tuntutan hendaklah dibuktikan dengan resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM). Subperenggan 46(1)(g)(iv) ACP 1967 e) Potongan sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan ke atas diri sendiri, pasangan atau anak seperti berikut: (i) pemeriksaan perubatan penuh sepertimana yang ditakrifkan oleh MPM dan tuntutan mestilah dibuktikan melalui resit yang dikeluarkan oleh hospital atau pengamal perubatan berdaftar dengan MPM; (ii) pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi yang dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh hospital, pakar psikiatri (seksyen 2 Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]), ahli psikologi klinikal yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] atau kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor di bawah Akta Kaunseor 1998 [Akta 580]. (iii) Fi bayaran ujian pengesanan penyakit yang dijalankan di klinik atau hospital seperti ujian darah, ultrasound, mamogram dan pap smear termasuk ujian pengesanan penyakit seperti virus COVID-19 dan influenza. Pemeriksaan hendaklah dijalankan di hospital atau pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh hospital atau pengamal perubatan berkenaan. (iv) Pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan sendiri yang didaftarkan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737] seperti oksimeter nadi, mesin pemantau tekanan darah, thermometer termasuk kit pengesanan sendiri bagi virus COVID-19 dan influenza. Pembelian peralatan hendaklah dibuktikan dengan resit dan tidak digunakan bagi tujuan perniagaan individu. Perenggan 46(1)(h) ACP 1967 f) Potongan sehingga RM10,000 bagi perbelanjaan ke atas anak yang berumur 18 tahun dan ke bawah seperti berikut: (i) penilaian bagi tujuan diagnosis kurang upaya pembelajaran yang dibuat di Malaysia yang diperakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MPM dan tuntutan dibuktikan dengan resit dan perakuan oleh pengamal perubatan tersebut bahawa penilaian bagi tujuan diagnosis telah dibuat ke atas anak dan anak tersebut didiagnosis mengalami kurang upaya pembelajaran; atau
--	---	--

		(ii) program intervensi awal atau rawatan pemulihan bagi kurang upaya pembelajaran yang dibuat di Malaysia yang dijalankan oleh pengamal profesion bersekutu yang berdaftar di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 dan tuntutan dibuktikan dengan resit dan perakuan oleh pengamal profesion bersekutu tersebut bahawa anak tersebut telah menjalani program intervensi awal atau rawatan pemulihan; Kategori kurang upaya pembelajaran adalah <i>Autism Spectrum Disorder</i>, <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)</i>, <i>Global Development Delay (GDD)</i>, <i>Intellectual Disability</i>, <i>Down Syndrom</i> dan <i>Specific Learning Disability</i>. Potongan maksimum RM10,000 adalah terpakai tanpa mengambil kira bilangan anak individu tersebut. Perenggan 46(1)(ha) ACP 1967 Jumlah potongan keseluruhan (a) – (f) di atas adalah terhad kepada RM10,000. Resit perbelanjaan rawatan dan perakuan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkaitan hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan HASIL
D5	Gaya Hidup– Perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri/ pasangan / anak bagi: (a) Pembelian atau langganan buku /jurnal / majalah /surat khabar dan lain-lain penerbitan seumpamanya (Bukan bahan bacaan terlarang) (b) Pembelian komputer peribadi, telefon pintar atau tablet (Bukan untuk kegunaan perniagaan) (c) Bayaran bil bulanan untuk langganan internet (atas nama sendiri) (d) Bayaran kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri	Potongan sehingga RM2,500 bagi perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan atau anak seperti berikut: (a) pembelian atau langganan buku, jurnal, majalah, surat khabar dan lain-lain penerbitan seumpamanya (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi TIDAK termasuk bahan bacaan yang terlarang seperti majalah lucah); (b) pembelian komputer peribadi, telefon pintar (smartphone) atau tablet [TIDAK termasuk caj tambahan jaminan (<i>warranty</i>) dan BUKAN digunakan untuk tujuan perniagaan]; (c) bayaran bil bulanan bagi langganan internet yang didaftarkan atas nama individu untuk kegunaan diri sendiri /pasangan/anak; atau (d) Bayaran kursus peningkatan kemahiran atau kemajuan diri yang tidak perlu berdaftar atau diiktiraf oleh mana-mana badan Kerajaan. Perbelanjaan memadai dibuktikan dengan resit yang dikeluarkan oleh penyedia kursus. Kursus yang dimaksudkan adalah kursus yang menggalakkan pembayar cukai mempelajari kemahiran yang tidak berkaitan dengan pekerjaan seperti kursus yang berkaitan hobi, keagamaan atau bahasa. Pembelian atau perbelanjaan di atas (a) – (d) hendaklah dibuktikan dengan resit. Perenggan 46(1)(p) ACP 1967
D6	Gaya hidup – Perbelanjaan berkaitan sukan bagi kegunaan diri sendiri / pasangan / anak / ibu bapa bagi: (a) Pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997	Potongan sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri, pasangan , anak atau ibu bapa seperti berikut: (a) pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] (tidak termasuk basikal roda dua bermotor); (b) bayaran sewaan atau fi kemasukan ke mana-mana fasiliti sukan; (c) bayaran fi pendaftaran bagi penyertaan apa-apa pertandingan sukan yang mana penganjur tersebut diluluskan dan dilesenkan oleh Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997; atau

	(b) Bayaran sewa atau fi kemasukan ke fasiliti sukan (c) Bayaran fi pendaftaran bagi menyertai pertandingan sukan (d) Bayaran yuran keahlian gimnasium atau yuran latihan sukan	(d) bayaran yuran keahlian gymnasium atau yuran latihan sukan yang dikenakan oleh persatuan atau kelab sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan atau syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] untuk menjalankan aktiviti sukan yang disenaraikan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Pembelian atau perbelanjaan di atas (a) – (d) hendaklah dibuktikan dengan resit. Perenggan 46(1)(u) ACP 1967
D7	Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaan diri sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah	Potongan ini dibenarkan khusus untuk pembayar cukai wanita, dengan syarat individu: (i) adalah ibu yang menyusukan anak; (ii) telah melakukan perbelanjaan atas pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaannya bagi menyusukan anaknya yang berumur 2 tahun dan ke bawah; dan (iii) membuat tuntutan yang disokong dengan resit atas pembelian. Peralatan penyusuan ibu yang layak mendapat potongan adalah: (i) set pam susu dan pek ais (<i>breast pump kit</i> dan <i>ice pack</i>); (ii) bekas pengumpulan dan penyimpanan susu (<i>breast milk collection and storage equipment</i>); dan (iii) set penyejuk atau beg penyejuk (<i>cooler set / cooler bag</i>). Amaun potongan adalah terhad kepada RM1,000 walaupun individu berkenaan mempunyai lebih daripada seorang anak. Potongan hanya dibenarkan SEKALI setiap dua (2) tahun taksiran. Dalam kes Taksiran Bersama, potongan ini hanya dibenarkan sekiranya taksiran dibangkitkan atas nama isteri. Contoh 1: Taksiran Bersama Atas Nama Isteri Puan Arina telah melahirkan anak pada tahun 2022 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,700. Suaminya yang bukan pemastautin tetapi warganegara Malaysia telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya. Puan Arina layak menuntut potongan ini tetapi terhad kepada RM1,000 . Contoh 2: Taksiran Bersama Atas Nama Suami Puan Sally telah melahirkan anak pada tahun 2022 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,300. Puan Sally telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya. Tuntutan potongan ini tidak dibenarkan kerana taksiran dibuat atas nama suami Puan Sally. Perenggan 46(1)(q) ACP 1967
D8	Yuran penghantaran anak berumur 12 tahun dan ke bawah ke taman asuhan kanak-kanak / tadika yang berdaftar	Potongan ini dibenarkan berhubung yuran penghantaran anak yang berumur 12 tahun dan ke bawah: a) Taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 30]; b) Tadika yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]; atau c) Pusat jagaan harian atau pusat transit yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

		Potongan ini terhad kepada RM3,000 walaupun bilangan anak yang memenuhi syarat-syarat tersebut melebihi satu. Sekiranya amaun tuntutan kurang daripada RM3,000, amaun potongan yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun yang dibayar sahaja. Sekiranya taksiran suami dan isteri dibuat secara berasingan, potongan cukai di bawah perenggan ini hanya boleh dituntut sama ada oleh suami ATAU isteri yang melakukan perbelanjaan tersebut. Bagi pasangan yang sudah bercerai, potongan cukai ini layak dituntut oleh bekas suami dan bekas isteri dengan syarat kedua-duanya telah membuat pembayaran bagi yuran penjagaan anak dan anak tersebut bukan anak yang sama. Tuntutan potongan ini hendaklah disokong dengan dokumen kelahiran anak (MyKid atau sijil kelahiran) dan resit pembayaran yuran bulanan yang dikeluarkan oleh taman asuhan kanak-kanak atau tadika tersebut. Perenggan 46(1)(r) ACP1967
D9	Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) (jumlah simpanan dalam tahun semasa tolak jumlah pengeluaran dalam tahun semasa)	Simpanan ke dalam tabung SSPN oleh seseorang individu untuk membiayai pelajaran anak-anak dibenarkan sebagai potongan yang terhad kepada RM8,000. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan dalam sesuatu tahun sahaja. Contoh: Dalam tahun 2022 Baki bawa hadapan: RM4,500 Simpanan: RM2,000; dan Pengeluaran: RM1,500 Potongan yang layak dituntut adalah RM500 (RM2,000 – RM1,500). Baki bawa hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira. Bagi suami atau isteri yang ditaksir secara berasingan bagi suatu TT, potongan hanya boleh dituntut sama ada oleh suami atau isteri yang membuat simpanan dalam tabung SSPN dengan had tuntutan maksimum sebanyak RM8,000; Pengeluaran daripada tabung SSPN untuk tujuan pembiayaan kos pendidikan anak yang melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar tidak diambil kira dalam mengira tabungan bersih bagi tahun asas tersebut. Perenggan 46(1)(k) ACP 1967
D10	Bayaran alimoni kepada bekas isteri	(a) Potongan bagi suami sebanyak RM4,000 diberi kepada isteri jika suami tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan; atau suami telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya. Potongan ini hanya layak dituntut oleh seorang isteri sahaja walaupun suami mempunyai lebih daripada seorang isteri. Subseksyen 45A(1) ACP 1967 Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi suami TIDAK dibenarkan jika suami (bukan suami kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia. - Subseksyen 45A(2) ACP 1967 (b) Potongan bagi isteri sebanyak RM4,000 diberi kepada individu yang mempunyai isteri yang tinggal bersamanya dalam tahun asas, dan isteri tiada punca pendapatan / jumlah pendapatan; atau isteri telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya.- Perenggan 47(1)(a) dan subseksyen 47(5) ACP 1967 Mulai Tahun Taksiran 2017, potongan bagi isteri TIDAK dibenarkan jika isteri (bukan isteri kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia.- Subseksyen 47(6) ACP 1967 (c) Potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000 atau amaun sebenar yang dibayar jika amaun bayaran alimoni / nafkah kurang daripada potongan yang dibenarkan. Jumlah potongan bagi isteri yang tinggal bersama dan potongan bagi bayaran alimoni / nafkah kepada bekas isteri adalah terhad kepada RM4,000.

		Bayaran alimoni / nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3) ACP 1967																											
D11	Insurans nyawa / KWSP Sukarela: (a) Insurans nyawa / KWSP Sukarela (Terhad RM3,000) (b) KWSP Sukarela (Terhad RM4,000 termasuk KWSP wajib)	Subseksyen 49(1) ACP 1967 memperuntukkan potongan sehingga RM7,000 seperti berikut: <table><tr><th>Jenis caruman</th><th>Jumlah potongan (RM)</th></tr><tr><td>Bayaran premium insurans hayat atau sumbangan takaful keluarga atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP Perenggan 49(1)(a) ACP 1967</td><td>3,000 (terhad)</td></tr><tr><td>Caruman wajib kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis Perenggan 49(1)(b) ACP 1967</td><td>4,000 (terhad)</td></tr></table> Bayaran premium insurans hayat atau sumbangan takaful keluarga atau polisi insuran hayat yang menjamin nyawa individu, pasangan atau anak yang dibenarkan sebagai potongan. Bayaran premium insurans hayat atas polisi yang menjamin nyawa anak TIDAK dibenarkan potongan. Potongan ini boleh dituntut oleh individu bekerja sendiri sepertimana ditakrifkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452], pegawai berpencen sepertimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta Pencen 1980 [Akta 227] atau selain pegawai berpencen. Contoh 1: Encik Loga merupakan seorang penjawat awam yang telah memilih skim berpencen. Beliau juga telah mencarum dalam KWSP secara sukarela. Dalam tahun 2023 beliau telah membuat caruman kepada KWSP dan bayaran premium insurans hayat seperti berikut: <table><tr><td>Caruman sukarela kepada KWSP</td><td>: RM6,000</td></tr><tr><td>Bayaran premium insurans hayat untuk diri sendiri</td><td>: RM1,200</td></tr><tr><td>Bayaran premium insurans hayat untuk anak</td><td>: RM 600</td></tr></table> Bagi tahun taksiran 2023, En. Loga layak membuat tuntutan pelepasan bagi caruman KWSP sukarela dan bayaran premium insurans seperti berikut: <table><tr><th>Jenis caruman / bayaran premium</th><th>Amaun caruman / bayaran (RM)</th><th>Amaun layak dituntut (RM)</th></tr><tr><td>Caruman KWSP sukarela Perenggan 49(1)(b) ACP 1967</td><td>6,000</td><td>4,000 (terhad)</td></tr><tr><td>Caruman tambahan KWSP sukarela Perenggan 49(1)(a) ACP 1967</td><td>2,000</td><td>1,200 (terhad) atau 2,000</td></tr><tr><td>Bayaran premium insurans hayat Perenggan 49(1)(a) ACP 1967</td><td>1,800</td><td>1,800 atau 1,000 (terhad)</td></tr><tr><td>Jumlah Perenggan 49(1A)(a) ACP 1967</td><td>9,800</td><td>7,000 (terhad)</td></tr></table> Contoh 2: Encik Reza bekerja dengan sebuah syarikat swasta. Pada tahun 2023, beliau membuat caruman kepada KWSP dan sumbangan takaful keluarga seperti berikut:	Jenis caruman	Jumlah potongan (RM)	Bayaran premium insurans hayat atau sumbangan takaful keluarga atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	3,000 (terhad)	Caruman wajib kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	4,000 (terhad)	Caruman sukarela kepada KWSP	: RM6,000	Bayaran premium insurans hayat untuk diri sendiri	: RM1,200	Bayaran premium insurans hayat untuk anak	: RM 600	Jenis caruman / bayaran premium	Amaun caruman / bayaran (RM)	Amaun layak dituntut (RM)	Caruman KWSP sukarela Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	6,000	4,000 (terhad)	Caruman tambahan KWSP sukarela Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	2,000	1,200 (terhad) atau 2,000	Bayaran premium insurans hayat Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	1,800	1,800 atau 1,000 (terhad)	Jumlah Perenggan 49(1A)(a) ACP 1967	9,800	7,000 (terhad)
Jenis caruman	Jumlah potongan (RM)																												
Bayaran premium insurans hayat atau sumbangan takaful keluarga atau caruman sukarela tambahan kepada KWSP Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	3,000 (terhad)																												
Caruman wajib kepada skim yang diluluskan atau caruman sukarela kepada KWSP (tidak termasuk skim persaraan swasta) atau caruman di bawah mana-mana undang-undang bertulis Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	4,000 (terhad)																												
Caruman sukarela kepada KWSP	: RM6,000																												
Bayaran premium insurans hayat untuk diri sendiri	: RM1,200																												
Bayaran premium insurans hayat untuk anak	: RM 600																												
Jenis caruman / bayaran premium	Amaun caruman / bayaran (RM)	Amaun layak dituntut (RM)																											
Caruman KWSP sukarela Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	6,000	4,000 (terhad)																											
Caruman tambahan KWSP sukarela Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	2,000	1,200 (terhad) atau 2,000																											
Bayaran premium insurans hayat Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	1,800	1,800 atau 1,000 (terhad)																											
Jumlah Perenggan 49(1A)(a) ACP 1967	9,800	7,000 (terhad)																											

Caruman wajib kepada KWSP : RM36,000
 Caruman sukarela kepada KWSP : RM6,000
 Sumbangan takaful keluarga : RM 3,600

Amaun yang layak dituntut sebagai pelepasan cukai bagi tahun taksiran 2023 adalah seperti berikut:

Jenis caruman / sumbangan	Amaun caruman / sumbangan (RM)	Amaun layak dituntut (RM)
Caruman wajib kepada KWSP Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	36,000	4,000 (terhad)
Sumbangan takaful keluarga Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	3,600	3,000 (terhad)
Caruman sukarela kepada KWSP Perenggan 49(1)(a) ACP 1967	6,000	Tidak layak
Jumlah Perenggan 49(1A)(a) ACP 1967	45,600	7,000 (terhad)

Contoh 3:

Puan Charlene adalah seorang konsultan bebas yang membuat caruman KWSP secara sukarela. Bagi tahun 2023 jumlah caruman beliau adalah RM12,000. Beliau tidak membuat sebarang bayaran premium insurans hayat.

Bagi tahun taksiran 2023, Puan Charlene layak menuntut RM7,000 atas caruman sukarela kepada KWSP sebagaimana diperuntukkan seperti berikut:

Jenis caruman / sumbangan	Amaun caruman / sumbangan (RM)	Amaun layak dituntut (RM)
Caruman sukarela kepada KWSP Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	12,000	4,000 (terhad)
Caruman sukarela tambahan kepada KWSP Perenggan 49(1)(a) ACP 1967		3,000 (terhad)
Jumlah [Perenggan 49(1A)(a) ACP 1967]	12,000	7,000 (terhad)

Contoh 4:

Cik Sabrina adalah seorang penjawat awam yang telah memilih skim berpencen. Bagi tahun 2023, beliau telah membuat bayaran premium insurans sebanyak RM10,000. Beliau tidak membuat sebarang caruman kepada KWSP.

Amaun yang layak dituntut sebagai pelepasan cukai bagi tahun taksiran 2023 adalah seperti berikut:

Jenis caruman/ bayaran premium	Amaun caruman/bayaran (RM)	Amaun layak dituntut (RM)
Caruman kepada KWSP Perenggan 49(1)(b) ACP 1967	tiada	tiada
Bayaran premium insurans hayat Perenggan 49 (1)(a) ACP 1967	100,000	3,000 (terhad)
Jumlah Perenggan 49 (1A)(a) ACP 1967	10,000	3,000 (terhad)

D12	Skim persaraan swasta dan anuiti tertangguh (<i>deferred annuity</i>)	(a) Potongan tidak melebihi RM3,000 dibenarkan bagi jumlah caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh. (b) Jumlah potongan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh adalah terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih taksiran bersama, potongan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah terhad kepada RM3,000. Rujukan: Ketetapan Umum No. 4/2014 (Anuiti Tertangguh); dan Ketetapan Umum No. 9/2021 (Skim Persaraan Swasta). Subseksyen 49(1D), 49(1E), 49(3), 50(2) dan 50(3) ACP 1967
D13	Insuran pendidikan dan perubatan	Potongan tidak melebihi RM4,000 bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, pasangan atau anak. Polisi pendidikan hendaklah mempunyai kriteria berikut: (i) polisi yang diambil adalah untuk diri sendiri, pasangan atau anak; (ii) benefisiari polisi adalah anak; (iii) jika orang yang diinsuranskan adalah ibu atau bapa, manfaat insurans hendaklah hak milik anak sebagai nomini polisi; (iv) jika orang yang diinsuranskan adalah anak: - adalah wajib nyawa orang yang membayar premium (ibu atau bapa) dilindungi (<i>payor benefit rider</i>); - jangkamasa <i>rider</i> mestilah sama dengan polisi asas; - sekiranya <i>rider</i> dipakej bersama dengan polisi asas dengan hanya satu premium, kesemua premium yang dibayar dibenarkan sebagai potongan; dan - sekiranya ibu atau bapa tidak layak untuk <i>payor benefit rider</i>, premium yang dibayar untuk polisi asas tidak layak mendapat potongan. (v) untuk polisi takaful, peserta adalah ibu atau bapa dan manfaat polisi mestilah dihibahkan kepada anak; dan (vi) jumlah matang untuk polisi konvensional dan polisi takaful mestilah dijadualkan untuk bayaran semasa umur anak di antara 13 dan 25 tahun. Polisi perubatan hendaklah mempunyai kriteria berikut: (i) perbelanjaan mestilah berkaitan dengan rawatan perubatan yang disebabkan oleh penyakit atau kemalangan atau ketidakupayaan; (ii) perlindungan polisi adalah untuk tempoh 12 bulan atau lebih; (iii) polisi boleh diperolehi secara berasingan atau sebagai <i>rider</i> kepada polisi insurans nyawa. Sekiranya sebagai <i>rider</i>, hanya premium <i>rider</i> yang layak dituntut sebagai potongan; (iv) di mana perlindungan penyakit berat digandingkan dengan polisi asas, jumlah keseluruhan premium <i>rider</i> yang dibayar layak dituntut sebagai potongan; (v) di mana perlindungan penyakit berat dipakej bersama perlindungan nyawa/kemalangan persendirian, 60% daripada premium layak dituntut sebagai potongan; (vi) pekerja yang membayar premium dalam polisi perubatan berkelompok layak mendapat potongan; dan

		(vii) premium <i>waiver benefit rider</i> dan insurans untuk perbelanjaan perubatan dan perjalanan tidak layak mendapat potongan. Potongan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk pasangan yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami / isteri memilih taksiran bersama, potongan yang dibenarkan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada RM3,000. Subseksyen 49(1B), 49(4) dan 50(2) ACP 1967
D14	Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017	Potongan peribadi kepada seorang individu tidak melebihi RM350 ke atas sumbangan yang dibuat atau ditanggung oleh individu tersebut dalam tahun asas kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] atau Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800]. Perenggan 46(1)(n) ACP 1967
D15	Perbelanjaan untuk diri sendiri: a. Perbelanjaan bayaran pemasangan/ sewaan/pembelian termasuk sewa beli peralatan atau langganan bagi penggunaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik bagi kenderaan sendiri (Bukan untuk kegunaan perniagaan) b. Pembelian mesin kompos sisa makanan bagi kegunaan isi rumah (Terhad sekali setiap 3 tahun taksiran) Pembelian dan pemasangan mesin rincih sisa makanan dan CCTV bagi kegunaan isi rumah. (Terhad sekali setiap 2 tahun taksiran).	Potongan sehingga RM2,500 kepada individu berikut: (a) Perbelanjaan bagi kemudahan pengecasan kenderaan elektrik, iaitu pembayaran pemasangan, penyewaan, pembelian termasuk sewa beli peralatan atau langganan bagi penggunaan kemudahan mengecas kenderaan elektrik untuk kegunaan sendiri dan tidak digunakan bagi tujuan perniagaan. Potongan cukai ini adalah bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik yang menjurus kepada amalan lestari dan rendah karbon seperti menambah penggunaan bahan mentah lestari dan tenaga boleh diperbaharui. (b) Pembelian mesin kompos sisa makanan bagi kegunaan isi rumah adalah dibenarkan sebagai potongan bagi tahun taksiran 2025, 2026 dan 2027 dan hanya boleh dituntut sekali bagi setiap 3 tahun taksiran. (c) Pembelian dan pemasangan mesin rincih sisa makanan dan CCTV bagi kegunaan isi rumah adalah dibenarkan sebagai potongan bagi tahun taksiran 2026 dan 2027 dan hanya boleh dituntut sekali setiap 2 tahun taksiran. Perenggan 46(1)(v) ACP 1967
D16	Bayaran faedah pinjaman rumah kediaman pertama (perlu penuhi syarat kelayakan)	Potongan cukai kepada individu warganegara dan pemastautin ke atas bayaran faedah pinjaman rumah kediaman pertama. Jumlah potongan yang dibenarkan adalah berdasarkan banjaran harga rumah seperti berikut:

Harga Rumah	Jumlah Potongan Cukai Setahun
Sehingga RM500,000	RM7,000
Melebihi RM500,000 hingga RM750,000	RM5,000

Bagi melayakkan individu mendapat potongan ini, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi:

(a) Rumah kediaman ialah rumah kediaman pertama yang dibeli oleh individu untuk diduduki sebagai tempat kediamannya dan terhad kepada satu unit rumah kediaman;

(b) Rumah kediaman tersebut tidak menghasilkan sebarang pendapatan;

Contoh: Arman menandatangani perjanjian jual beli bagi pembelian rumah kediaman pertama pada 1 Februari 2025 berharga RM180,000. Walau bagaimanapun, Arman tidak menduduki rumah tersebut dan disewakan kepada Rosli mulai 1 Jun 2025. Arman tidak layak menuntut perbelanjaan faedah atas pinjaman pembelian rumah kediaman pertama kerana beliau menerima pendapatan sewa daripada penyewaan rumah berkenaan.

(c) Perjanjian jual beli hendaklah disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027

Contoh: Zikri membeli sebuah rumah kediaman pertama berharga RM700,000 dan perjanjian jual beli disempurnakan pada 30 Disember 2024. Beliau mula membayar faedah atas pinjaman mulai 1 Jun 2025. Zikri tidak layak menuntut perbelanjaan faedah atas pinjaman pembelian rumah kediaman tersebut kerana perjanjian jual beli disempurnakan sebelum 1 Januari 2025.

(d) Amaun potongan cukai individu ke atas bayaran faedah yang dibenarkan adalah bagi tiga (3) TT berturut-turut bermula dari tahun faedah mula dibayar.

Contoh: Darlyna membeli sebuah rumah kediaman pertama berharga RM655,000 dan perjanjian jual beli disempurnakan pada 1 Mac 2027. Bayaran faedah atas pinjaman dibuat mulai 1 Oktober 2027. Potongan cukai yang layak dituntut oleh Darlyna atas bayaran faedah pinjaman rumah kediaman adalah seperti berikut:

TT	Amaun Faedah Dibayar (RM)	Amaun Faedah Dibenarkan (RM)
2027	4,000	4,000
2028	15,600	5,000
2029	15,600	5,000
2030 dan seterusnya	15,600	Tidak layak

Darlyna tidak layak menuntut potongan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman bagi tahun 2030 dan seterusnya kerana potongan ini hanya dibenarkan bagi 3 tahun taksiran berturut-turut bermula dari tahun faedah mula dibayar iaitu dalam tahun taksiran 2027.

(e) Dua atau lebih individu layak menuntut potongan bagi sebuah rumah kediaman yang sama dan jika jumlah bayaran faedah yang dibelanjakan oleh kesemua individu berkenaan melebihi amaun yang dibenarkan dalam tahun berkenaan, setiap individu dibenarkan suatu potongan mengikut formula berikut:

		Jumlah faedah dibenarkan dalam tahun berkenaan x Jumlah faedah dibelanjakan oleh individu dalam tahun berkenaan Jumlah faedah dibelanjakan oleh kesemua individu dalam tahun berkenaan																								
		Contoh: Rahman dan Saiful berkongsi membeli sebuah rumah kediaman berharga RM550,000 dan perjanjian jual beli ditandatangani pada 1 Oktober 2025. Bagi membiayai bayaran rumah tersebut, Rahman dan Saiful membuat pinjaman bank secara berasingan dan menjelaskan bayaran ansuran termasuk faedah pinjaman masing-masing. Jumlah faedah yang telah dibelanjakan dan layak dituntut sebagai potongan oleh Rahman dan Saiful adalah seperti berikut: <table><tr><th rowspan="2"></th><th colspan="2">TT 2025</th><th colspan="2">TT 2026</th></tr><tr><th>Dibelanjakan (RM)</th><th>Layak Dituntut (RM)</th><th>Dibelanjakan (RM)</th><th>Layak Dituntut (RM)</th></tr><tr><td>Rahman</td><td>3,000</td><td>3,000</td><td>6,500</td><td> 5,000 x 6,500 12,500 = 2,600 </td></tr><tr><td>Saiful</td><td>2,000</td><td>2,000</td><td>6,000</td><td> 5,000 x 6,000 12,500 = 2,400 </td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>5,000</td><td>5,000</td><td>12,500</td><td>5,000</td></tr></table> (f) Apabila seorang isteri/suami memilih taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2), maka faedah yang dibayar oleh isteri atau suami dianggap telah dibayar oleh: (a) suami sekiranya isteri memilih untuk ditaksir di bawah nama suami; (b) atau (b) isteri sekiranya suami memilih untuk ditaksir di bawah nama isteri. Seksyen 46C [Baharu] Potongan sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan bayaran fi kemasukan seperti berikut: (a) pusat pelancongan seperti muzium, taman tema, taman negara, taman laut, taman haiwan, zoo dan <i>geopark</i>; dan (b) program kesenian dan kebudayaan seperti kraftangan, Batik, Teater Rakyat dan Bengkel Tarian Tradisional. Potongan ini diberi untuk menyokong usaha Kerajaan dalam penganjuran program Tahun Melawat Malaysia 2026 sebagai insentif kepada rakyat Malaysia yang melancong dalam negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Perenggan 46 (1) (sa) ACP 1967		TT 2025		TT 2026		Dibelanjakan (RM)	Layak Dituntut (RM)	Dibelanjakan (RM)	Layak Dituntut (RM)	Rahman	3,000	3,000	6,500	5,000 x 6,500 12,500 = 2,600	Saiful	2,000	2,000	6,000	5,000 x 6,000 12,500 = 2,400	Jumlah	5,000	5,000	12,500	5,000
	TT 2025			TT 2026																						
	Dibelanjakan (RM)	Layak Dituntut (RM)	Dibelanjakan (RM)	Layak Dituntut (RM)																						
Rahman	3,000	3,000	6,500	5,000 x 6,500 12,500 = 2,600																						
Saiful	2,000	2,000	6,000	5,000 x 6,000 12,500 = 2,400																						
Jumlah	5,000	5,000	12,500	5,000																						
D17	Perbelanjaan bayaran fi kemasukan ke pusat pelancongan dan program kebudayaan / kesenian bagi pelancongan dalam negara																									

BAHAGIAN E: Akuan Pekerja